KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

Utusan Malaysia

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 10

# Kerajaan teliti kenaikan harga bahan mentah jejas Menu Rahmah

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sedia berbincang dengan kementerian lain mengenai pelaksanaan program Menu Rahmah yang dikhuatiri tidak mampu bertahan lama.

Ini susulan kegelisahan rakyat terhadap peningkatan harga bahan mentah, menyaksikan program itu dijangka hanya bertahan dalam jangka masa pendek.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, kerajaan juga akan terus berunding dengan peniaga jika ada yang tidak mencapai persetujuan mengenai harga Menu Rahmah tersebut.

"Kerajaan mengambil maklum perkara ini dan akan sentiasa berunding. Kami juga mengakui bahawa semua rakyat dalam keadaan susah, dengan harapan program Menu Rahmah sekurang-kurangnya dapat membantu mereka.

"Dalam menangani isu sara hidup dari aspek makanan ini, kerajaan akan mengisi keperluan itu jika ada peniaga yang merasa tidak mampu lagi untuk meneruskan dengan harga yang dipersetujui sebelum ini.

"Cuma masa sekarang ini, peniaga-peniaga dikatakan masih boleh meneruskan kelangsungan melalui program ini. Jika keadaan berubah, maka kerajaan sedia berunding semula. Itu yang kami persetujui bersama," katanya ketika dihubungi semalam.

*Utusan Malaysia* menghubungi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan namun masih belum mendapat maklum balas berhubung perkara itu.

Inisiatif Menu Rahmah diperkenal kerajaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) mampu membeli makanan di restoran pada harga RM5 ke bawah.

Akhbar ini melaporkan, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, Menu Rahmah tidak mampu bertahan sekiranya harga bahan mentah terus meningkat disebabkan kos tinggi yang ditanggung peniaga.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan bahawa harga makanan di bawah program itu akan terus kekal untuk tiga bulan pertama diperkenalkan.

Sementara itu, sumber daripada kementerian pula berkata, kerajaan sedang merancang untuk melaksanakan program subsidi bersasar sebagai 'gantian' jika Menu Rahmah tidak lagi bertahan.

Kata sumber, ia mungkin mengambil masa lebih kurang tiga bulan sebelum kerajaan benar-benar bersedia melaksanakan subsidi bersasar.

"Kami sedang berusaha untuk melaksanakan subsidi bersasar. Cuma sekarang, bagaimana untuk memastikan subsidi ini sampai kepada golongan sasar dan tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu," katanya.




**PEKERJA restoran menunjukkan contoh set makanan Menu Rahmah yang dijual di Restoran Ali Maju, Wisma Sri Rampai, Kuala Lumpur. - UTUSAN/AMIR KHALID**

Utusan Malaysia

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 10

# Harga Menu Rahmah: Tubuh pasukan khas

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan digesa menubuhkan satu pasukan khas membincangkan harga baharu yang lebih munasabah menerusi program Menu Rahmah bagi mewujudkan situasi menang-menang antara semua pihak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, meskipun Menu Rahmah memberi kemudahan kepada pengguna, namun beliau ragu terhadap program itu yang mungkin tidak bertahan lama.

Menurutnya, ini disebabkan fenomena peningkatan harga bahan mentah yang sukar dikawal sehingga menyebabkan peniaga tidak mendapat untung lumayan akibat harga dikenakan pada kadar RM5.

"Ini (Menu Rahmah) tidak akan boleh berkekalan.

"Lebih baik kerajaan mengaku harga serendah ini amat tidak menguntungkan. Sebab itu, kerajaan harus mengeluarkan harga yang benar-benar mencerminkan keadaan semasa," katanya ketika dihubungi semalam.

Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berpandangan, pelaksanaan program Menu Rahmah termasuk caj yang dikenakan sudah berada tahap baik.

Bagaimanapun katanya, kerajaan perlu melakukan pemantauan berterusan terhadap peniaga-peniaga yang menyertai program berkenaan.

"Tengok apa masalah yang ada, cadangan yang boleh dibawa ke hadapan dan apa yang boleh dibantu," katanya.

BH BeritaHarian

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 14

# Tiada tempoh peniaga sertai Menu Rahmah

## Kementerian tak pernah tetapkan jangka masa 3 bulan nilai KPI program

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my



*Salahuddin bersama Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh melihat Menu Rahmah pada Majlis Pelancaran Menu Rahmah oleh Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia di Cheras, semalam.* (Foto Eizairi Shamsudin)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak menjadikan tempoh tiga bulan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) inisiatif Menu Rahmah.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata kementerian sebaliknya menyerahkan kepada pihak industri untuk meneruskan program itu secara sukarela tanpa ada tempoh masa tertentu ditetapkan kerana inisiatif terbabit tidak membabitkan dana kerajaan.

Menu Rahmah yang dilancarkan 31 Januari mengurangkan kos sara hidup rakyat, disertai 15,000 kedai makan pada peringkat awal.

Ia adalah hidangan tengah hari atau malam seimbang, merangkumi nasi, pilihan protein seperti ayam atau ikan dan sayuran pada harga RM5 sepinggan.

"Mereka (industri) bebas buat Menu Rahmah sampai bila-bila, selagi menganggap ia kerja kebajikan dan sesuatu yang perlu diteruskan.

"Terpulang kepada mereka kerana pelaksanaannya tak guna dana kerajaan," katanya selepas meninjau restoran menyediakan Menu Rahmah di Cheras, dekat sini semalam.

Mengalu-alukan pengusaha restoran mendaftar Menu Rahmah di pejabat KPDN negeri untuk membantu mempromosi restoran, Salahuddin berkata, kerajaan khususnya KPDN terus melaksanakan pendekatan terbaik supaya tiada rakyat kelaparan.

### Terus usaha bermanfaat

Kepada dakwaan inisiatif Menu Rahmah hanya ulangan kepada Menu Bajet diperkenalkan kerajaan sebelum ini, beliau berkata, ia bukannya isu.

"Saya tak nafikan dakwaan itu kerana yang baik, tetap baik. Jadi program itu dilanjutkan, kami tidak pernah cemburu dengan usaha yang baik.

"Malah, ada pengusaha tidak menamakannya Menu Rahmah pun tak mengapa, asalkan perut rakyat terisi," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan mahu memperluaskan inisiatif 'Rahmah' dengan menambah bilangan peserta dan penaja, bukan sahaja untuk hidangan tetapi juga produk lain serta bank dan industri dalam usaha menangani peningkatan kos sara hidup.

"Ini menunjukkan KPDN lebih yakin dan lebih terlibat supaya kita boleh fokus untuk mengajak mereka (industri) membantu menangani kos sara hidup.

"Jika kita terus (melibatkan) syarikat besar seperti PETRONAS dan bank, saya pasti mereka (syarikat lain) akan tampil untuk membantu," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA

TARIKH : 14/2/2023

M/SURAT : 5




**SALAHUDDIN (kanan) menunjukkan Menu Rahmah pada majlis anjuran Presma di Kuala Lumpur semalam.** – FARIZ RUSADIO

# Tidak had masa laksana jualan Menu Rahmah

**KUALA LUMPUR** – Tempoh pelaksanaan inisiatif Menu Rahmah bergantung kepada pemain industri dan pengusaha restoran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia berikutan usaha itu bukan paksaan, sebaliknya suatu pendekatan bagi membantu rakyat.

Menurut, KPDN tidak pernah meletakkan sebarang tempoh khusus berhubung pelaksanaan inisiatif itu.

"Selagi mana (pengusaha) akan teruskan sepanjang itulah, (Menu Rahmah) dapat diberikan.

"(Berkaitan tempoh masa) kita tidak mengambil perkara itu sebagai Indeks Prestasi Utama (KPI) kita. Terpulang kepada pemain industri.

"Tetapi apa yang penting, saat ini kerajaan mengambil suatu pendekatan supaya tidak ada rakyat berlapar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Menu Rahmah anjuran Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) di Restoran Nasi Kandar Stadium, Cheras, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengusaha bebas untuk menyertai inisiatif tersebut secara sukarela.

"Ia bergantung kepada pemain industri, jika mereka menganggap ini sebagai perkara yang bukan memberi keuntungan besar. Namun, lebih kepada untuk memberikan makanan kepada mereka yang memerlukan," ujarnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 21

Tidak timbul isu Menu Rahmah tiru Menu Bajet semasa pentadbiran kerajaan sebelum ini

# Asalkan perut rakyat kenyang - Menteri

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN ABD MALEK
KUALA LUMPUR

Dakwaan inisiatif Menu Rahmah hanyalah pengulangan kepada 'Menu Bajet' semasa pentadbiran kerajaan sebelum ini bukan suatu isu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia adalah usaha untuk membantu rakyat dan mana-mana pihak boleh menggunakan inisiatif tersebut dengan nama yang berbeza.

"Saya tidak menafikan usaha yang telah dilakukan. Baik tetap baik. Saya hanya meneruskan kerja yang baik. Itu tiada masalah. Kami tidak pernah cemburu.

"Walaupun mungkin ada selepas ini orang yang mengambil inisiatif dan tidak menamakannya sebagai Rahmah, tidak mengapa.

"Asalkan perut rakyat kenyang. Itu hasrat kami daripada kerajaan," katanya kepada pemberita semasa Jelajah Menu Rahmah di Restoran Nasi Kandar Stadium di sini pada Isnin.

Jelajah turut disertai timbalannya, Senator Fuziah Salleh.

Inisiatif Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah dilancarkan pada Januari lepas sebagai antara usaha kerajaan menangani kenaikan kos sara hidup.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan sedang mempertimbang untuk memperluaskan lagi inisiatif Rahmah bukan sahaja dalam industri makanan tetapi turut melibatkan sektor korporat dan perbankan.

Katanya, kerajaan mendapat banyak maklum balas positif berhubung inisiatif itu melalui sesi libat urus bersama pengusaha industri makanan serta pakaian.

"Kalau kita pergi nanti (libat urus) kepada sektor korporat yang lebih besar seperti Petronas, Sime Darby dan syarikat berkaitan kerajaan serta bank, saya yakin lebih banyak syarikat akan tampil membantu kerajaan menangani kos sara hidup," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB



Salahuddin (kanan) bersama Fuziah melancarkan Menu Rahmah yang diadakan di Restoran Nasi Kandar Stadium pada Isnin.

NEW STRAITS TIMES

HARI : SELASA

TARIKH : 14/2/2023

M/SURAT : 5

RM5 PER MEAL

# 'MENU RAHMAH NOT COMPULSORY'

## Up to business operators to decide how long they want to offer affordable meals, says Salahuddin

KALBANA PERIMBANAYAGAM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THERE is no specific duration imposed on business operators to participate in the Menu Rahmah initiative, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.

He said it was up to them on how long they wanted to offer RM5 meals to their patrons.

"This programme is entirely voluntary and it is not compulsory for business operators to offer Menu Rahmah at their outlets.

"The ministry has not set any time frame for those participating in the programme.

"As long as they can afford to offer it at their restaurants, we welcome it," he said after launching the third Menu Rahmah programme at the Nasi Kandar Stadium outlet in Cheras near here yesterday.

Salahuddin added that the ministry was overwhelmed by the response and participation of businesses in the Menu Rahmah initiative.

"Since the launch of the programme, we noticed that there are people promoting cakes, durian, burgers and even clothing with the tag 'Rahmah' (to show their affordability)," he said.

Those who participated in the initiative could withdraw from it at any time they found it to be a burden, he said.

On whether the initiative would affect the sales of other food items served at participating restaurants, Salahuddin said it was unlikely to happen as Menu Rahmah dishes served daily would not be the same.

"For instance, fried chicken will be available on Monday, and on Tuesday, fried fish will be offered.

"So a patron who is craving for something else other than chicken on Monday can choose something outside Menu Rahmah and pay accordingly. There is no forcing of any kind."

He said all costs related to the initiative would be borne by business operators themselves.

"The government did not spend any money on this, except for engaging business operators. We have set a six-month engagement period at the ministry and we have four more months to continue expanding the programme to other sectors."

Salahuddin said they were also looking at expanding the programme to big corporate companies, such as Sime Darby, banks and even Petronas.

He said the ministry was also having discussions with several fast food chains that were keen on taking part in the initiative, after Burger King became the first fast food outlet to offer a combo meal at RM 5 recently.

He hoped other suppliers from various industries would also adopt the initiative before Hari Raya Aidilfitri and provide items at the same price or at a more affordable price.

Menu Rahmah was initiated by the ministry for the poor, targeting the initial participation of some 15,000 premises.

To date, more than 12,000 eateries are offering Menu Rahmah, including restaurants affiliated with the Malaysian Indian Restaurant Owners Association, Malaysian Muslim Restaurant Owners Association, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association, as well as Mydin supermarket outlets.




*Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub showing a Menu Rahmah dish at the launch of the programme at a restaurant in Cheras yesterday. With him is his deputy, Fuziah Salleh.* PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

The Star

HARI : SELASA

TARIKH : 14/2/2023

M/SURAT : 4

# 'Merely offering a filling meal'

## Menu Rahmah won't steal business from others, says minister

By BENJAMIN LEE
benlkh@thestar.com.my




**No risk of competition:** Customers checking out the Menu Rahmah dishes at Stadium Nasi Kandar restaurant in Kuala Lumpur. — AZMAN GHANI/The Star

**KUALA LUMPUR:** There is no risk of the Menu Rahmah initiative taking away business from small-time operators, says the Domestic Trade and Cost of Living Minister.

Datuk Seri Salahuddin Ayub said this is because the initiative has limited menu options whose only objective is to provide a filling meal.

"Those looking for something extra or have a specific craving for something will likely not go for the options under Menu Rahmah.

"I doubt there will be much direct competition as the target groups of customers for Menu Rahmah and small-time food traders are very different," he told reporters after launching Menu Rahmah for Presma (the Malaysian Muslim Restaurant Owners Association) at a nasi kandar restaurant in Cheras here yesterday.

He was responding to claims from small-time food traders that they have been affected by the initiative as many of them are not able to offer their food at lower prices due to the rising cost of ingredients.

Salahuddin said the Menu Rahmah initiative is completely voluntary and the ministry had not spent any funds so far on it.

"This initiative is a voluntary cooperative effort between the ministry and industry players for the sake of ensuring affordable meals for all.

"No operator is forced to join the programme, and they can opt to discontinue offering Menu Rahmah at any time if they believe their business can no longer afford it.

"We have not imposed any mandate on any restaurants to force them to join the initiative as we understand that not every business can afford to provide a RM5 meal," he added.

Salahuddin also said Menu Rahmah for more fast-food chains would likely be announced by next week as discussions were still ongoing.

He added that his ministry would be looking to expand the programme to other major industries including oil and gas, banking and other economic and corporate sectors.

"If we have (an engagement session) with major corporations like PETRONAS, Sime Darby and government-related companies as well as banks, I'm confident even more companies will come forward to assist the government in reducing living costs," Bernama quoted him as saying.

Last week, he said that his ministry had held engagements with several fast-food restaurants such as McDonald's and Burger King to get them to participate in the Menu Rahmah initiative.

The initiative was launched on Jan 31 and offers affordable meals at RM5 or less for lunch or dinner at nearly 15,000 premises nationwide.

The meals comprise a balanced simple meal that includes rice, a choice of protein (chicken or fish) and vegetables.

Watch the video TheStarTV.com

TheStar

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 4

# Sabah food operators need help to implement Menu Rahmah

**KOTA KINABALU:** Food operators are finding it difficult to implement the Menu Rahmah initiative due to high rental and other overhead costs, says Sabah West Coast Consumers Association.

"The government needs to assist food operators if it wants them to successfully adopt the Menu Rahmah," said its president David Chan.

Under the Menu Rahmah programme, people can enjoy lunch and dinner at RM5 per meal at nearly 15,000 food outlets nationwide.

Chan said based on the association's survey, the menu is easier to implement by food stalls operators compared to coffee shop or restaurant operators.

"For regular food stall operators, they are not burdened with the expensive cost of renting a shop as well as the cost of hiring workers whose wages range from RM1,200 to RM1,500 per person," he said.

He said there is interest among food operators in Sabah to support the initiative.

"All want to see it succeed to help the poor and they are happy to participate," he added.

Chan said the government can help operators by reducing rental rate for premises in government-owned buildings.

"This incentive can at least encourage the traders to implement the programme. If traders help the people, why can't the government or the authorities help the traders," he said.

Meanwhile, the Sabah Indian Muslim Chambers of Commerce and Industry chairman Nasir Yusof said that most of the Indian Muslim restaurants in the west coast had agreed to participate in the initiative beginning from Feb 15.

He said the basic meal costing RM5 will consist of rice, chicken or fish, vegetables and a glass of cold or warm water. It will be served between 11am and 2pm daily.

He said most members are keen to implement it while some said they would implement it on a later date.

Harian Metro

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 21




HIDANGAN Menu Rahmah yang disediakan di Kedai Tok Mi Selera Kampung, Kuala Nerus, Kuala Terengganu.

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
am@hmetro.com.my

# Usah ambil kesempatan!

*Peniaga dinasihatkan tidak menyalahgunakan nama Menu Rahmah dalam hidangan mereka*

**Kuala Nerus**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu mengingatkan peniaga di negeri ini agar tidak menyalahgunakan nama program Menu Rahmah.

Pengarahnya Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya tidak mahu peniaga mengambil kesempatan menggunakan nama Menu Rahmah, namun tidak menjualnya dengan harga yang sepatutnya atau menjual hidangan lain.

Menurutnya, Menu Rahmah adalah hidangan makan tengah hari atau makan malam yang seimbang seperti nasi, satu pilihan protein sama ada ayam atau ikan dan sayuran dengan tawaran harga bernilai RM5 dan ke bawah.

"Peniaga mesti menjual makanan yang seimbang dengan harga di bawah RM5 dan setakat ini, kita tidak terima aduan berkaitan penyalahgunaan nama Menu Rahmah ini.

"Jika ada peniaga dikesan menggunakan nama Menu Rahmah, tetapi menjual dengan harga lebih tinggi atau tidak mengikut konsep, ia satu tindakan tidak beretika.

"Mereka sepatutnya menyumbang, tetapi kalau itu cara dia buat, dia mengambil kesempatan dengan populariti Menu Rahmah ini," katanya pada sidang media pelaksanaan Menu Rahmah di Terengganu di Kedai Tok Mi Selera Kampung di sini, semalam.

Saharuddin berkata, setakat ini, sebanyak 29 restoran dan gerai makanan di Terengganu menawarkan Menu Rahmah.

Menurutnya, ia membabitkan 17 premis di Kuala Terengganu, Kuala Nerus (tiga), Marang (dua), Kemaman (dua), Besut (dua), Dungun (dua) dan Hulu Terengganu (satu).

"Kita akan luaskan lagi pelaksanaan Menu Rahmah ini membabitkan pengusaha restoran, kedai makan, kiosk dan sebagainya," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 16

# 29 premis makanan Terengganu tawar harga mampu beli

**KUALA NERUS** – Sebanyak 29 premis makanan di Terengganu menyahut inisiatif kerajaan dengan menawarkan Menu Rahmah sejak awal bulan ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, inisiatif Menu Rahmah berkenaan disertai 17 premis makanan di bandar raya ini, Kuala Nerus (tiga), masing-masing dua premis di Marang, Kemaman, Dungun dan Besut serta Hulu Terengganu (satu).

"Penyertaan bukan sahaja daripada pengusaha restoran besar yang bernaung di bawah persatuan peniaga malah mereka yang mengusahakan warung makan kecil.

"Sebahagian menawarkan Menu Rahmah pada harga lebih murah daripada RM5 yang dicadangkan kerajaan," katanya selepas melancarkan Menu Rahmah di Restoran Tok Mi Selera Kampung, Kampung Telaga Daing di sini semalam.

Saharuddin berkata, sambutan yang diberikan dalam kalangan peniaga premis makanan di negeri ini amat menggalakkan.

Tambah beliau, semakin ramai peniaga menunjukkan minat untuk menyertai inisiatif tersebut.

"Saya percaya bilangan premis makanan di negeri ini yang akan mengambil bahagian dalam inisiatif ini akan meningkat pada masa terdekat.

"Ia perkembangan positif ringankan kos hidup," ujarnya.




PENGUSAHA Restoran Tok Mi Selera Kampung, Norhaqizah Md. Azmi menunjukkan hidangan yang ditawarkan dalam inisiatif Menu Rahmah di Kampung Telaga Daing, Kuala Nerus semalam.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 16



DR. Razli (berdiri, tengah) bersama pelajar yang membeli juadah Menu Rahmah di kafeteria UMK Kampus Bachok, Bachok semalam.

# Menu Rahmah UMK, RM4.90 sepinggan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

**BACHOK** – Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok di sini menyahut inisiatif kerajaan dengan memperkenalkan Menu Rahmah berharga RM4.90 di kafeteria kampus tersebut sejak semalam.

Naib Canselor UMK, Profesor Dr. Razli Che Razak berkata, langkah percubaan yang dijalankan di kampus tersebut untuk melihat sambutan pelajar-pelajar terhadap menu tersebut selain menilai kualiti dan kuantiti makanan yang disediakan oleh pengusaha kafeteria.

Menurutnya, UMK sebagai universiti awam sentiasa bersedia menyahut pelbagai program saranan kerajaan khususnya yang melibatkan kebajikan pelajar dalam usaha mengurangkan kos sara hidup.

"Menu Rahmah iaitu nasi, lauk ayam atau ikan, sayur-sayuran dan air turut mendapat sambutan pelajar yang tinggal di luar kampus untuk membeli makan tengah hari dan malam.

"Selepas ini ada Menu Rahmah di empat kafeteria dalam Kampus Jeli pula. UMK turut bekerjasama dengan pengusaha restoran di Kampus Kota, Pengkalan Chepa," katanya kepada pemberita selepas meninjau dan menikmati juadah Menu Rahmah di kafeteria UMK Kampus Bachok di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Razli memberitahu, pelaksanaan Menu Rahmah bagi dua kampus UMK di Jeli dan Pengkalan Chepa akan dijalankan serentak apabila Kementerian Pendidikan Tinggi melancarkan pelaksanaan program berkenaan di semua universiti awam di negara ini.

Menurutnya, selain itu, pihak pengurusan UMK juga mengambil langkah mengurangkan kadar sewa premis dalam usaha membantu pengusaha terlibat berupaya menjimatkan kos dan tidak menjual makanan pada kadar yang tinggi.

"Cara ini kita bantu mereka (pengusaha) pula," ujarnya.

NEW STRAITS TIMES

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 5

# Menu Rahmah at Ipoh Ramadan bazaars

**IPOH:** The Menu Rahmah initiative, which offers a meal at RM5 or below, will be introduced at all Ramadan bazaars in Ipoh.

Ipoh Mayor Datuk Rumaizi Baharin said the initiative was meant to help the people and target groups to get a balanced meal.

"Even before (the decision on the matter is made), we informed the traders to sell food at reasonable prices.

"We encourage traders to prepare such meals because this is good for the people," he said after the launch of the Lalaland Cafe in Jalan Lasam here yesterday.

Rumaizi said to date, Ipoh City Council had approved 19 Ramadan bazaar sites involving nearly 1,000 traders.

Although Ramadan bazaar applications had been closed, he said the local authority was still getting applications to allow at least three new Ramadan bazaar sites to open.

"These three locations include in the town (Ipoh) centre as well as Station 18, which are being studied. If suitable, we will open the Ramadan bazaars there.

"We will work with several companies to get a bigger market platform, which can indirectly help boost sales and enable traders to reduce their selling prices."

Rumaizi said the council supported and encouraged the growth of gastronomic products.

He cited the container-concept Lalaland Cafe as a unique food experience that could attract people to visit Ipoh.

"This cafe also offers a new lifestyle and atmosphere that makes this city unique compared with other places," he said.



*Datuk Rumaizi Baharin*

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 14/2/2023
M/SURAT : 16



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM7.99 | Telur Gred A* | RM13.50 | Gula Pasir | RM2.80 | Cili Merah | RM9.50 |
| Daging Lembu Tempatan | RM36 | Ikan Kembung | RM13 | Bawang Besar Holland | RM2.49 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.99 |
| Daging Lembu Import | RM50.90 | Minyak Masak | RM6.76 | Bawang Putih | RM4.99 | Tepung Gandum | RM3.00 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 FEBRUARI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 14-Feb | Sebanyak 29 pengusaha makanan di T'ganu sediakan menu Rahmah | https://www.thesundaily.my/home/sebanyak-29-pengusaha-makanan-di-t-ganu-sediakan-menu-rahmah-AF10629283 | THESUNDAILY |
| 14-Feb | Sebanyak 29 pengusaha makanan di T'ganu sediakan menu Rahmah | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164102#:~:text=Pengarah%20Perdagangan%20Dalam%20Negeri%20dan,lebih%20ramai%20pengusaha%20makanan%20menyertainya. | BERNAMA |
| 14-Feb | 29 premis makanan Terengganu tawar Menu Rahmah | https://www.kosmo.com.my/2023/02/13/29-premis-makanan-terengganu-tawar-menu- | KOSMO |
| 14-Feb | 29 kedai makan, restoran di Terengganu tawar Menu Rahmah | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/02/29-kedai-makan-restoran-di-terengganu-tawar-menu-rahmah/ | UM |
| 14-Feb | Peniaga perlu elak salah guna Menu Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/935626/peniaga-perlu-elak-salah-guna-menu-rahmah | HM |
| 14-Feb | Jangan salah guna nama Menu Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/02/1063663/jangan-salah-guna-nama-menu-rahmah | BH |
| 14-Feb | Burger king launches RM5 menu rahmah combo meals | https://www.google.com/amp/s/says.com/my/amp/makan/burger-king-launches-rm5-menu-rahmah-combo-meals | SAYS |
| 14-Feb | Sebanyak 29 pengusaha makanan di T'ganu sediakan menu | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164102 | BERNAMA |
| 14-Feb | Rakyat damba barang mentah harga Rahmah | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244909 | SH |
| 14-Feb | **Report: Mydin boss says Menu Rahmah can only continue at this price if costs don't go up** | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/02/12/report-mydin-boss-says-menu-rahmah-can-only-continue-at-this-price-if-costs-dont-go-up/54553 | MALAYMAIL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Feb | KPDN tidak berpuas hati dengan penambahbaikan baharu oleh Touch 'n Go | https://www.google.com/amp/s/bm.technave.com/kpdn-tidak-berpuas-hati-dengan-penambahbaikan-baharu-oleh-touch-n-go-73871/amp | TECHAVE |
| 14-Feb | KPDN: Touch 'n Go Follow-Up Efforts Are Not Good Enough | https://www.google.com/amp/s/www.lowyat.net/2023/294081/kpdn-touchngo-followup-not-good-enough/amp/ | LOWYAT |
| 14-Feb | Salahuddin Ayub: Govt wants to expand 'Rahmah' initiative beyond food | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/02/13/salahuddin-ayub-govt-wants-to-expand-rahmah-initiative-beyond-food/54738 | MALAYMAIL |
| 14-Feb | No time frame for implementation of Menu Rahmah | https://www.themalaysianinsight.com/s/427962 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 14-Feb | Tiada tempoh sampai bila menu Rahmah dilaksana - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1063695/tiada-tempoh-sampai-bila-menu-rahmah-dilaksana-salahuddin | BH |
| 14-Feb | Selepas makanan, ada inisiatif Rahmah beli baju raya – Salahuddin | https://malaysiagazette.com/2023/02/13/selepas-makanan-ada-inisiatif-rahmah-beli-baju-raya-salahuddin/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 14-Feb | Inisiatif Rahmah dipertimbang perluas ke sektor korporat dan perbankan | https://www.buletintv3.my/nasional/inisiatif-rahmah-dipertimbang-perluas-ke-sektor-korporat-dan-perbankan/ | BULETINTV3 |
| 14-Feb | Kerajaan Pertimbang Perluas Inisiatif Rahmah – Libatkan Sektor Perbankan, Korporat | https://rnggt.com/202327915/ | RNGGT |
| 14-Feb | Cadang perluas inisiatif Rahmah libat sektor korporat, perbankan - Salahuddin | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57262-cadang-perluas-inisiatif-rahmah-libat-sektor-korporat-perbankan-salahuddin | BERITARTM |
| 14-Feb | Salahuddin Ayub: Govt wants to expand 'Rahmah' initiative beyond food | https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/salahuddin-ayub-govt-wants-expand-075907671.html | BLOG |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Feb | Tiada Jangka Masa Tertentu Bagi Hidangan Menu Rahmah | https://sumberkini.my/tiada-jangka-masa-tertentu-bagi-hidangan-menu-rahmah-video/ | SUMERBKINI |
| 14-Feb | Menu Rahmah tiada had masa – Salahuddin | https://mediavariasi.com/2023/02/menu-rahmah-tiada-had-masa-salahuddin/ | MEDIAVARIASI |
| 14-Feb | Inisaitif rahmah mungkin diperluas libatkan sektor korporat, perbankan | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164140 | BERNAMA |
| 14-Feb | Menu Rahmah won't have bad effect on small businesses, says Salahuddin | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/13/menu-rahmah-won039t-have-bad-effect-on-small-businesses-says-salahuddin | THESTAR |
| 14-Feb | Rahmah Menu may also involve corporate and banking sectors | https://m.malaysiakini.com/news/654953 | MALAYSIAKINI |
| 14-Feb | Inisiatif Rahmah mungkin diperluas libatkan sektor korporat, perbankan - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/inisiatif-rahmah-mungkin-diperluas-libatkan-sektor-korporat-perbankan-salahuddin-406327%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 14-Feb | Menu Rahmah tiru Menu Bajet bukan isu - Salahuddin | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/244993 | SH |
| 14-Feb | KPI yet to set for Menu Rahmah initi- | https://youtu.be/hQ2y5YUN8lI | THESTAR |
| 14-Feb | Salahuddin Ayub: Govt wants to expand 'Rahmah' initiative beyond food | https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/salahuddin-ayub-govt-wants-expand-075907671.html | BLOG |
| 14-Feb | Salahuddin Ayub: Kerajaan Mahu Perluas Inisiatif 'Rahmah' Melangkaui Makanan | https://themalaysiapost.com/salahuddin-ayub-kerajaan-mahu-perluas-inisiatif-rahmah-melangkaui-makanan/ | THEMALAYSIAPOST |
| 14-Feb | Companies and banks the next target for cheap Rahmah meals | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/02/13/govt-may-expand-menu-rahmah-initiative-to-corporate-and-banking-sectors/ | FMT |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Feb | Rahmah initiative might be expanded to involve corporate, banking sectors | https://www.thesundaily.my/home/rahmah-initiative-might-be-expanded-to-involve-corporate-banking-sectors-BE10630023 | THESUNDAILY |
| 14-Feb | Rahmah Initiatives May Be Broadened to Call For Corporate and Banking Sectors | https://www.businesstoday.com.my/2023/02/13/rahmah-initiatives-may-be-broadened-to-call-for-corporate-and-banking-sectors/ | BUSINESSTODAY |
| 14-Feb | 29 food operators in Terengganu provide Rahmah Menu | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/879365/29-food-operators-terengganu-provide-rahmah-menu | NST |
| 14-Feb | UMK universiti awam pertama perkenal Menu Rahmah | https://www.sinarharian.com.my/article/244997/edisi/kelantan/umk-universiti-awam-pertama-perkenal-menu-rahmah | SH |